

Sampai ke tahap kerajaan 'takut'
berikan kepercayaan — PM

10

Penyelewengan kuasa kalangan terpelajar membimbangkan

LONDON 15 Jan — Penyelewengan wang dan penyalahgunaan kuasa di kalangan terpelajar termasuk anak-anak Melayu yang diberikan kepercayaan telah sampai ke suatu tahap di mana kerajaan 'takut' untuk memberi kepercayaan kepada orang lain, kata Perdana Menteri. Menurut beliau, ramai lagi anak watan yang menyalahgunakan kuasa, tetapi tidak dapat dibawa ke muka pengadilan kerana amat sukar membuktikan kecurangan mereka itu. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang bercakap

dalam satu dialog dengan pelajar-pelajar Malaysia di sini berkata: "Paling menyedihkan ialah kita dapati kurang benar amanah di kalangan kita bila diberi jawatan dan tanggungjawab." "Kita beri peluang mereka mentadbir bank, mereka mencuri duit itu. Bila sudah kayapun mereka mencuri lagi," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, semua ini menunjukkan bahawa meskipun kita sudah 30 tahun merdeka, kita belum mencapai satu tahap yang mulia dari segi

karektor yang boleh menjamin bangsa kita menjadi satu bangsa yang dihormati oleh semua.

Beliau yang masih belum puas hati dengan pencapaian orang-orang Melayu telah menyeru mereka mengubah karektor bagi menghadapi kehidupan moden yang penuh cabaran untuk menjadi satu bangsa yang mulia dan dihormati oleh dunia. Perdana Menteri menegaskan: "Apa yang penting bukanlah pelajaran yang lebih tinggi tetapi karektor yang mengutamakan nilai-nilai yang mulia dan tidak

melakukan perkara-perkara yang dipandang jijik oleh masyarakat. "Sebab itu kita menumpukan perhatian kepada pembentukan karektor bangsa Melayu." Beliau menarik perhatian, sejak negara mencapai kemerdekaan selama 30 tahun, kerajaan telah memberi berbagai-bagai peluang kepada orang-orang Melayu untuk meningkatkan tahap pencapaian bangsa, tetapi malangnya tidak mencapai hasil yang dijangka dan diharapkan. Serentak dengan itu, Perdana Menteri bertanya: "Apakah memadai dengan

mendapat ijazah-ijazah yang tinggi, seperti menjadi doktor, peguam dan akauntan dan apakah memadai dengan memegang jawatan tinggi dalam kerajaan dan di dalam perusahaan dan perniagaan?"

"Setelah dikaji, didapati bahawa sebenarnya pelajaran dan jawatan dengan sendirinya tidak mempunyai makna," ujar beliau. Malangnya, kata Datuk Sri Dr. Mahathir didapati orang-orang yang terpelajar termasuk anak-anak Melayu yang terpelajar yang diberi

peluang memegang jawatan tinggi sudah menjadi 'penyamun.' Umumnya, segala yang dibuat oleh kerajaan termasuk Dasar Ekonomi Baru dan meletakkan mereka di tempat-tempat yang tinggi tidak mencapai hasil yang dijangkakan, ujar beliau. Begitu juga di peringkat rendah, orang-orang Melayu yang terlalu bergantung kepada kerajaan seolah-olah kalau tidak ada kerajaan bukan saja mereka "tumpang" tetapi lumpuh sama sekali kerana tidak dapat berdiri atas kaki sendiri. "Bagi saya ini semua merupakan satu kegagalan yang besar, satu kegagalan yang perlu kita terima, kita iktiraf, kita akui dan tidak guna kita menyalahkan orang lain. "Mungkin ada orang lain yang berkata ini kesalahan ahli-ahli politik — mereka yang membentuk dasar dan mengambil tindakan, tetapi kita tidak boleh salahkan ahli-ahli politik saja kerana mereka mengambil tindakan kerana percaya inilah caranya untuk menolong bangsa sendiri." Semuanya mendesak supaya diberi peluang, diberi tempat, diberi gaji yang tinggi dan diberi bermacam-macam kepada orang-orang Melayu," katanya.